

ARKEOLOGI DI MALAYSIA

SEJARAH, WARISAN DAN KEBUDAYAAN

STEPHEN CHIA
VELAT BUJENG

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2020

KK 939-320-0502011-49-2197-40101

Cetakan Pertama 2020
© Panel Penulis 2020

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ARKEOLOGI DI MALAYSIA : SEJARAH, WARISAN DAN KEBUDAYAAN /
EDITOR: STEPHEN CHIA DAN VELAT BUJENG

Mengandungi indeks

ISBN 978-983-49-2197-2

1. Archaeology--Malaysia.
 2. Government publications--Malaysia.
- I. Chia, Stephen.
II. Velat Bujeng.
939.595

Dicetak oleh
Maziza Sdn. Bhd.
No. 9, Jalan 111, Kepong Baru
52100 Kepong
Kuala Lumpur

BAB 11 KLASIFIKASI SERAMIK DARI TAPAK ARKEOLOGI BENAT HILIR, SAMARAHAN, SARAWAK <i>Jonathan Ko dan Stephen Chia</i>	23
BAB 12 SERAMIK DAGANGAN DI TAPAK SUNGAI PADANG, DAERAH PAPAR, SABAH <i>Nurulnatascha Azman, Mokhtar Saidin, Siti Faridah Hanim Damsi dan Peter Moljol</i>	26
BAHAGIAN III: ETNOARKEOLOGI DAN WARISAN KEBUDAYAAN	28
BAB 13 ETNOGRAFI PEMBUATAN TEMBIKAR DUSUN DI SABAH, MALAYSIA: TEKNOLOGI, JENIS, FUNGSI DAN SIGNIFIKASI <i>Suresh Narayanan dan Stephen Chia</i>	28
BAB 14 KAJIAN ETNOARKEOLOGI TERHADAP SHAMANISME DALAM MASYARAKAT ORANG SELETAR <i>Amir Ahmad dan Hamid Mohd Isa</i>	31
BAB 15 HUBUNGAN KEPERCAYAAN DAN UPACARA AMAL DENGAN PADI BUKIT: KAJIAN TERHADAP MASYARAKAT TEMIAR RPS PASIK HULU KELANTAN <i>Nur Athmar Hashim, Hamid Mohd Isa dan Mokhtar Saidin</i>	34
BAB 16 MUZIUM NEGERI DAN BUDAYA <i>Abu Talib Ahmad</i>	36
BAB 17 KEPENTINGAN ARKEOLOGI DALAM KERJA KONSERVASI/PEMULIHARAAN: SATU CABARAN TERHADAP MASA DEPAN WARISAN NEGARA <i>Asyaari Muhamad</i>	40
BAB 18 POTENSI LEMBAH BUJANG SEBAGAI TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO <i>Abdul Mutalib Abdullah dan Mokhtar Saidin</i>	42

BAB 15

HUBUNGAN KEPERCAYAAN DAN UPACARA AMAL DENGAN PADI BUKIT: KAJIAN TERHADAP MASYARAKAT TEMIAR RPS PASIK HULU KELANTAN

Nur Athmar Hashim, Hamid Mohd Isa dan Mokhtar Saldin


Penempatan masyarakat pertanian padi bukit Temiar di RPS Pasik Hulu Kelantan yang berkoordinat $5^{\circ} 12.805'$ Utara $101^{\circ} 45.672'$ Timur dan ketinggiannya dari aras laut ialah 188 meter. Beradaptasi dengan kawasan bukit sebenarnya menggambarkan kepercayaan mereka terhadap tuhan dan semangat. Hal ini disebabkan oleh mereka mempercayai bahawa kewujudan tuhan dan semangat ini merupakan jelmaan daripada objek yang terdapat pada alam semesta ini, seperti hutan, sungai dan tanah tinggi. Aktiviti pertanian padi bukit merupakan salah satu kegiatan yang bukan sahaja sebagai corak ekonomi, malah pertanian padi bukit juga merupakan satu cara pendekatan diri mereka kepada tuhan dan semangat. Upacara amal yang dijalankan sepanjang pertanian padi bukit ini berlangsung jelas menunjukkan bahawa masyarakat ini masih lagi berpegang kuat dengan kepercayaan kepada tuhan dan semangat.

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

Masyarakat Temiar tradisional mempercayai bahawa terdapat beberapa tuhan yang menjaga bumi dan langit yang dikenali sebagai *Engku*, *Kawi*, *Hilok* dan *Hiwah* (Carey, 1976:198). Namun begitu, masyarakat Temiar di RPS Pasik mempercayai bahawa alam ini diketuai oleh *Ahad* yang

BERANGAN KEPERCAYAAN DAN UPACARA AMAL DENGAN PADI BURU

merupakan tuhan yang utama dalam sistem hierarki kepercayaan (Rajah 15.1). Tuhan *Ahad* ini akan dibantu oleh beberapa tuhan lain, seperti *Alleh*, *Nyuk Le'Juler* (Tuhan yang menjaga bumi), *Nyuk Dui Tampoi* (Tuhan yang menjaga langit) dan *Karei* (temu bual, Segan, 23 Mac 2011).



Rajah 15.1 Hierarki Tuhan dalam masyarakat Temiar RPS Pasik, Hulu Kelantan.


Berdasarkan Rajah 15.1 mendapati bahawa *Ahad* merupakan ketua tuhan yang mempunyai kuasa untuk memberikan arahan kepada tuhan yang lain, sama ada untuk kebaikan dan pengajaran kepada masyarakat ini. Bagi masyarakat Temiar, mereka mempercayai bahawa *Ahad* wujud melalui pokok-pokok, gunung-ganang, sungai, haiwan dan sebagaimana. Mereka juga mempercayai bahawa *Ahad* sentiasa memerhati setiap perkara yang dilakukan oleh mereka. Namun begitu, masyarakat Temiar di kawasan RPS Pasik ini sukar untuk bertemu dengan *Ahad* dan kebiasaanannya. *Ahad* hanya berjumpa dengan orang tertentu sahaja seperti *Berlian*. *Berlian* merupakan bomoh yang mempunyai kelebihan dalam dan keistimewaan semula jadi. *Alleh* pula bagi masyarakat Temiar di RPS Pasik ini ialah penolong kepada *Ahad* dalam segala urusan yang berkaitan dengan alam. *Alleh* bertanggungjawab dalam memantau keadaan alam sekitar sama ada dalam keadaan baik atau tidak. Masyarakat Temiar juga

mempercayai bahawa *Alleh* sentiasa berdamping dengan *Ahad* dalam apa-apa jua keadaan (temu bual, Segan, 23 Mac 2011).

Tuhan *Alleh* mempunyai tiga tuhan di bawah penjagaannya dalam membantu mentadbir alam semesta ini. Tuhan-tuhan ini dikenali dengan *Nyuk Le' Juler*, *Nyuk Dui Tampoi* dan *Karei* yang mempunyai tugas yang berbeza. Bagi masyarakat Temiar di RPS Pasik, mereka mempercayai bahawa *Nyuk Le' Juler* merupakan tuhan yang menjaga bumi dan merupakan isteri kepada *Nyuk Dui' Tampoi*. Salah satu peranan *Nyuk Le' Juler* adalah dengan memberikan tanah yang subur dan hasil yang bermutu dalam aktiviti pertanian bukit. Oleh sebab itu, masyarakat Temiar akan mengadakan upacara amal sebelum aktiviti pertanian berlangsung sebagai tanda memohon kebenaran dan restu kepada *Nyuk Le' Juler*. Sekiranya masyarakat Temiar tidak menghormati *Nyuk Le' Juler*, ini akan menyebabkan berlakunya bencana alam, seperti banjir lumpur yang menyebabkan pertanian padi bukit tidak dapat dijalankan, selain hasil pertanian mereka tidak subur (temu bual, Azmi, 21 Mac 2011).

Nyuk Dui Tampoi pula merupakan tuhan yang dipercayai menjaga langit dan merupakan suami kepada *Nyuk Le' Juler*. *Nyuk Dui Tampoi* berperanan memberikan cahaya matahari dan hujan yang cukup kepada alam sekitar. Bagi masyarakat Temiar di RPS Pasik, *Nyuk Dui Tampoi* banyak membantu mereka dalam pertanian padi bukit bermula dengan aktiviti pemilihan kawasan ladang sehingga kepada aktiviti sewang. Masyarakat di sini juga perlu menjaga *Nyuk Dui Tampoi* supaya tidak murka agar memberikan mereka kehidupan yang selesa serta tidak menurunkan bencana alam, seperti kemarau yang boleh menjadikan sumber rezeki dan makanan (temu bual, Azmi, 21 Mac 2011) (Rajah 15.2).

Bagi masyarakat Temiar, apabila kawasan penempatan mereka mengalami ribut petir, kilat dan guruh menandakan bahawa Tuhan *Karei* telah menurunkan balasan kepada mereka. Kesalahan yang menyebabkan *Karei* murka biasanya tingkah laku masyarakat yang tidak mengendahkan pantang larang nenek moyang, misalnya membunuh katak untuk tujuan menjual. Masyarakat Temiar di RPS Pasik dilarang untuk menjual katak kerana mereka mempercayai bahawa katak merupakan simbol keamanan kepada mereka. Jika pantang ini dilanggar dan malam tersebut diadakan *Sewang Orang Asal* di kampung, maka *Karei* akan memancarkan kilat kepada pesalah dan menyebabkannya bertukar menjadi harimau. Apabila kejadian ini berlaku, *Sewang Orang Asal* tidak boleh dijalankan selama tujuh hari dan persiapan sewang perlu dilakukan dari awal semula. Pesalah yang melakukan perkara ini dikenakan tindakan dengan mengadakan kenduri selepas beliau telah pulih dari jelmaan (temu bual, Segan, 23 Mac 2011).



Rajah 15.2 Susun atur *lengkor* mengikut tuhan dan semangat.

Selain itu, kesalahan yang menyebabkan Tuhan *Karei* marah adalah seperti membersihkan haiwan buruan di dalam sungai dan melakukan perkara yang tidak bermoral. Bagi mereka yang melakukan kesalahan, perlu mengaku dan pesalah dikehendaki menjamu semua semangat dengan makanan selama tiga hari berturut-turut. Jika selepas tiga hari tiada kilat atau guruh, bermakna *Karei* telah memaafkan pesalah tersebut (temu bual, Osman, 23 Mac 2011).

UPACARA AMAL DAN PANTANG LARANG DALAM PERTANIAN PADI BUKIT

Upacara amal atau ritual bukanlah suatu tatacara dalam upacara keagamaan, adat dan sebagainya, tetapi dilakukan berdasarkan kepercayaan terhadap semangat yang terdapat pada alam sekitar (Noresah, 1996:1144). Upacara ini dilakukan bagi memohon keizinan dan tanda menghormati semangat

tersebut. Masyarakat Temiar di RPS Pasik yang terlibat dalam pertanian padi bukit ini sangat berpegang pada ajaran nenek moyang. Hal ini disebabkan setiap gerak kerja yang dilakukan dalam pertanian padi bukit mempunyai upacara amal yang perlu diikuti, walaupun mereka telah mengalami perubahan hidup.

Pantang larang pula didefinisikan sebagai sesuatu yang dilarang untuk dilakukan berdasarkan adat dan kepercayaan (Noresah, 1996:114). Hal ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat ini sebenarnya masih mementingkan adat-adat yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang dan mengekalkan identiti mereka yang begitu unik. Upacara amal dan pantang larang ini berlangsung dari awal pemilihan pertanian padi bukit sehingga *Sewang Keraian* berlangsung.

UPACARA AMAL DAN PANTANG LARANG SEMASA PEMILIHAN LADANG

Sebelum pemilihan ladang padi bukit dilakukan, ketua keluarga perlu memastikan keadaan cuaca baik dan tidak hujan sehari sebelum pemilihan dilakukan. Berdasarkan kepercayaan masyarakat ini, jika hari hujan pada malam sehari sebelum pemilihan kawasan, maka ini merupakan amaran bahawa tidak sesuai untuk masuk ke dalam hutan kerana peninggu atau semangat di dalam hutan sedang mengamuk. Jika mereka tidak mengendahkan perkara ini, maka ketua keluarga mengalami sakit yang sangat teruk.

Semasa aktiviti pemilihan ladang ini berlangsung, ketua keluarga akan memastikan persekitaran kawasan yang dipilih tidak mempunyai kayu merbau (*Intsia palembanica*) yang berdarah. Hal ini bermaksud kayu merbau yang telah terkeluar getahnya pada batang pokok. Jika terdapat kayu merbau seperti ini, maka mereka tidak boleh menjalankan pertanian padi bukit di kawasan tersebut kerana dipercayai ia merupakan tempat tinggal semangat kayu dan tidak boleh diganggu oleh sesiapa sahaja. Jika pantang larang ini tidak diendahkan, berkemungkinan kawasan kampung akan mendapat bencana alam (temu bual, Ariffin Ating, 22 Februari 2011).

Setelah mendapat kawasan yang sesuai untuk aktiviti pertanian padi bukit, masyarakat ini menjalankan aktiviti pembersihan kawasan ladang yang dipilih secara bergotong-royong. Namun begitu, bagi masyarakat Temiar tradisional, *Berlian* perlu meminta izin daripada semangat yang merupakan penjaga hutan bagi menggunakan kawasan tersebut. Setelah




Foto 15.1 Pokok Kunyit *Monglai*.
Sumber: Koleksi penulis.




Foto 15.2 Kunyit *Monglai* yang telah diparut.
Sumber: Koleksi penulis.

KEBUNGAN KEPERCIAYAAN DAN UPACARA AMAL DENGAN PADI BUKIT

Selain menabur kunyit, pemilik ladang tidak membenarkan orang luar berada dalam kawasan ladang padi sehingga kenduri tiga hari menugal dijalankan. Hal ini disebabkan mereka mempercayai bahawa semangat padi akan memberikan hasil yang sedikit kepada pemilik ladang kerana membenarkan orang luar menceroboh kawasannya tanpa keizinannya. Selain itu juga, orang luar tidak dibenarkan masuk bagi mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini, seperti kesakitan dan kematian disebabkan oleh kerasukan semangat-semangat yang masuk ke dalam anggota badan. Semasa penanaman berlangsung, kawasan ladang padi ini dikatakan telah dipagari pemilik ladang supaya ia tidak dicerobohi pihak luar (temu bual, Setmen, 18 Februari 2011).

UPACARA AMAL DAN PANTANG LARANG SELEPAS MENUAI

Apabila padi bukit telah masak, upacara menuai akan dijalankan oleh pemilik ladang padi. Aktiviti menuai perlu dilakukan secara rapi dan terperinci kerana mereka mempercayai bahawa pada masa ini semangat padi mempunyai sifat yang cukup sensitif seperti merajuk dan suka dipuji (Amat, 1990:20). Oleh sebab itu, bagi mengelakkan semangat padi lari ke kawasan lain sehingga menyebabkan hasil yang diperoleh sedikit, hanya pemilik ladang dan keluarga yang dibenarkan menuai padi pada hari pertama sehingga hari ketiga. Pada hari ketiga, pemilik ladang menjalankan jamuan kecil dengan ahli keluarga sebagai simbolik menjamu semangat padi ini dan mendapat keizinan daripada semangat padi untuk membenarkan orang luar membantu dalam aktiviti menuai (temu bual, Anek, 18 Februari 2011).

KENDURI

Kenduri merupakan jamuan makan yang dilakukan untuk mengucapkan rasa syukur terhadap sesuatu perkara. Bagi masyarakat Temiar di RPS Pasik, kenduri yang dijalankan mempunyai perkaitan dengan pertanian padi bukit sebagai tanda hormat dan ucapan kesyukuran kepada semangat padi. Kenduri ini diklasifikasikan kepada tiga kategori, iaitu kenduri menugal padi, kenduri selepas menuai dan kenduri tahun baharu.

Kenduri Semasa Menugal Padi

Hasil temu bual dan penyertaan ikut serta di kawasan kajian mendapati bahawa kenduri menugal padi berlangsung selepas tiga hari aktiviti

menugal dilakukan oleh pemilik ladang padi. Tujuan ia dilakukan adalah bagi memohon kepada semangat padi dan *Nyuk Dui Tampoi* (tuhan menjaga langit) serta *Nyuk Le' Juler* (tuhan menjaga bumi) memberikan hasil yang lebih baik pada tahun ini. Selain itu juga, ia bertujuan mengelakkan sebarang musibah, kecelakaan dan memohon kebenaran kepada semangat padi supaya membenarkan orang lain menolong aktiviti menugal. Berdasarkan kepercayaan masyarakat Temiar, aktiviti menugal hanya boleh dilakukan oleh pemilik ladang dan keluarga sahaja sehingga kenduri dijalankan (temu bual, Segan, 18 Februari 2011).

Sekiranya kenduri tidak dijalankan selepas tempoh tiga hari menugal, pemilik ladang akan ditimpa masalah, seperti ladang diserang serangga. Berdasarkan kepercayaan, mereka mendapati bahawa semangat padi telah merajuk dan marah kerana tidak menjamu semangat ini setelah diberikan kawasan yang subur untuk penanaman padi bukit. Selain itu juga, apabila kenduri telah dijalankan secara automatiknya, ladang ini boleh dimasuki oleh orang lain bagi menolong pemilik ladang menyiapkan aktiviti menugal. Jika kenduri tidak dijalankan, orang luar yang masuk ke dalam kawasan ladang padi ini mengalami kesakitan yang teruk sehingga membawa kematian dan pemilik ladang padi turut mengalami gangguan, seperti mimpi yang buruk sehingga menyebabkan kesihatan terganggu (temu bual, Jali, 22 Februari 2011).

Kenduri ini dijalankan pada setiap rumah pemilik yang menjalankan pertanian padi bukit. Walau bagaimanapun, kenduri ini tidak dilakukan secara serentak sebaliknya dilakukan secara bergilir-gilir. Setiap ketua ladang mengadakan perbincangan dengan *batin* di kampung untuk menentukan tarikh bagi mengadakan kenduri di rumah masing-masing. Segala persiapan untuk kenduri dilakukan oleh keluarga sahaja. Mereka akan mencari lauk, seperti ikan dan sayur-sayuran bagi menjamu tetamu yang hadir. Jamuan makan ini diadakan pada waktu tengah hari dan sebelum tetamu dibenarkan untuk menjamu selera, ketua keluarga mengucapkan kata-kata selamat kepada semangat padi bagi memohon restu dan kebenaran untuk menyambung aktiviti menugal pada keesokan harinya.

Kenduri Selepas Menuai

Kenduri selepas menuai padi merupakan amalan yang masih dilakukan oleh pemilik ladang padi selepas tamat menuai padi di ladang padi. Kenduri ini dijalankan adalah untuk mengucapkan terima kasih kepada ahli



Foto 15.5 Proses memasukkan beras ke dalam buluh.

Sumber: Koleksi penulis.



Foto 15.6 Proses memasukkan air ke dalam buluh yang berisi bungkus nasi.

Sumber: Koleksi penulis.



Foto 15.10 Susunan daun lerek semasa kenduri.
Sumber: Koleksi penulis.

di bahagian hadapan. Sebelum menjamu selera, *batin* mengalu-alukan kedatangan tetamu dan menyampaikan amanat supaya bersyukur dengan rezeki yang diberikan dan tidak bersikap takbur. *Batin* juga membaca doa sebelum menjamu selera. Doa yang dibaca untuk mengucapkan tanda syukur kepada tuhan yang menjaga langit dan bumi dengan memberikan rezki (hasil padi) yang baik pada tahun ini.

Semasa doa dibacakan, semua penduduk berada dalam keadaan senyap seketika dan menadah tangan, iaitu tangan kanan berada di atas tangan kiri sambil menunduk ke lantai. Selepas doa dibaca, *batin* akan menyapu muka dengan kedua-dua belah tangan (Foto 15.11). Selepas itu, *batin* selebih dahulu makan makanan yang dihidangkan sebagai permulaan kenduri dijalankan dan *batin* mengangkat tangan ke atas (Foto 15.12) bagi membenarkan penduduk yang berkumpul menjamu selera (Foto 15.13).

Selepas selesai menjamu selera, penduduk kampung mengadakan persiapan *Sewang Semangat Padi Bukir* sebagai tanda kesyukuran dengan rezki yang diberikan oleh semangat dan tuhan. *Sewang Semangat Padi Bukir* merupakan sewang yang telah diamalkan oleh nenek moyang terdahulu dan turut dikenali sebagai *Sewang Orang Asal* yang menekankan

yang merupakan hiasan kepala tradisi masyarakat Temiar. *Tempok* ini dipakaikan di kepala dan bahan-bahannya menggunakan daun-daun dan bunga-bunga yang berwarna-warni (Foto 15.14). Antara bunga yang digunakan untuk menghasilkan *tempok* termasuklah bunga *pungai*, bunga *ayek* dan bunga *sarat*. Penghasilan *tempok* memerlukan penelitian yang tinggi kerana setiap bunga yang digunakan akan disusun berselang-seli dan diukur menggunakan rotan (temu bual, Ajah, 12 Mac 2011).



Foto 15.14 Pemakaian *tempok*.

Sumber: Koleksi penulis.

Saiz *tempok* bergantung pada saiz kepala si pemakai. *Tempok* bukan sahaja dianggap perhiasan kepala semata-mata, tetapi dari sudut dalaman *tempok* merupakan peralatan hiasan yang suci dan sebagai tanda hormat kepada semangat-semangat yang berada di alam ini. *Tempok* yang dihasilkan dipakai semasa kenduri dan pada malam berlangsungnya sewang. Penduduk lelaki ditugaskan untuk menyusun 14 jenis daun

di balai sewang selepas upacara kenduri selesai. Golongan wanita yang terpengalaman pula menghasilkan gubahan daun daripada 14 jenis daun. Daun-daun tersebut terdiri daripada daun *penhek*, bunga *charok*, bunga *wangi*, daun *dilum*, daun *keralak*, daun *salak*, daun *cemerdam*, daun *sugi*, daun *mangsi*, daun *lebang*, daun *perawas*, daun *changkun* dan daun *chekul*. Daun-daun yang dipilih mempunyai bau-bauan yang wangi dan dipercayai disukai oleh semangat, akan disusun mengikut urutan dan diikat dengan menggunakan rotan riau. Gubahan daun yang telah siap dinamakan sebagai daun *tempong* yang berfungsi untuk memanggil semangat semasa sewang berlangsung (Foto 15.15).



Foto 15.15 Gubahan daun *tempong*.
Sumber: Koleksi penulis.



Foto 15.16 Lengkor bersaiz kecil.

Sumber: Koleksi penulis.

Daun *tempong* digantung pada *lengkor* yang juga dihasilkan dengan menggunakan rotan riau dan berbentuk bulatan. Terdapat dua jenis *lengkor* di dalam balai sewang di RPS Pasik, iaitu *lengkor* yang bersaiz besar dan *lengkor* yang bersaiz kecil (Foto 15.16). *Lengkor* berfungsi untuk menggantungkan daun *tempong* yang telah digubah oleh masyarakat Temiar. Terdapat tiga *lengkor* besar dan ia merupakan *lengkor* utama digantungkan daun *tempong* serta daun *penhek*, daun *lebang*, daun *mangsi* dan pucuk daun *lebang* serta lingkaran bunga.

Daun-daun disusun secara berselang-seli dan apabila habis susunannya, dilingkarkan dengan bunga yang berwarna-warni (temu bual, Kelapa, 13 Mac 2011). Masyarakat Temiar percaya bahawa *lengkor* utama terdiri daripada tuhan lelaki, iaitu *Nyuk Dui Tampoi* yang menjaga langit. Pada sebelah kanan lengkor *Nyuk Dui Tampoi* ialah isterinya, iaitu *Nyuk Le'Juler* yang berperanan menjaga bumi, manakala pada bahagian kiri pula merupakan *lengkor* anak *Nyuk Dui Tampoi* dan *Nyuk Le'Juler*. Pada bahagian bawah *lengkor-lengkor* utama terdapat beberapa *lengkor* kecil sebagai simbol semangat yang membantu sepanjang pertanian padi bukit (Rajah 15.2). Pemasangan *lengkor* utama hanya boleh dilakukan oleh

batin sesebuah kampung. Hal ini disebabkan oleh *batin* merupakan insan yang telah dipilih oleh tuhan yang mempunyai kuasa untuk berinteraksi dengan makhluk di alam lain dan merupakan orang yang dipercayai serta dihormati oleh penduduk kampung.

Apabila susunan pada *lengkor* siap sepenuhnya, *batin* menarik tali untuk menggantungkan *lengkor* sambil membaca doa. Tali yang digunakan untuk menarik *lengkor* mempunyai ukuran lebih kurang lima meter panjang. Doa yang dibacakan oleh *batin* semasa *lengkor* ditarik ke atas bertujuan mendapatkan perlindungan daripada *Ahad* dan *Alleh* supaya tidak berlaku kecelakaan semasa mengadakan *Sewang Semangat Padi*. Selain itu, doa yang dibaca juga supaya *lengkor* yang ditarik oleh *batin* tidak jatuh. Berdasarkan kepercayaan masyarakat Temiar, apabila *lengkor* utama telah ditarik tetapi jatuh, maka *Sewang Semangat Padi Bukit* tidak boleh dijalankan pada malam tersebut kerana dipercayai bahawa semangat yang terdapat di balai sewang dan daun-daun telah marah, hal ini menunjukkan bahawa *Sewang Semangat Padi Bukit* ini tidak boleh dilakukan. *Sewang* ini boleh dilakukan lebih kurang seminggu selepas *lengkor* tersebut jatuh (temu bual, Hashim a/l Alang, 13 Mac 2011).

Apabila *lengkor* utama telah selamat digantung, kaum lelaki menghiaskan *lengkor-lengkor* yang bersaiz kecil yang dikatakan sebagai anak-anak bagi tuhan pertama dan tuhan kedua. Namun begitu, bagi *lengkor* kecil tidak perlu dilingkarkan dengan lingkaran bunga kerana *lengkor* ini hanyalah diibaratkan sebagai semangat atau anak tuhan atau merupakan masyarakat yang mendiami alam ini. Pemasangan *lengkor* kecil hanya boleh dilakukan oleh kaum lelaki kerana menggambarkan itu keluarga yang diberikan tanggungjawab menjaga keharmonian rumah tangga. Jika terdapat daun yang terjatuh semasa disusun pada *lengkor*, maka daun tersebut tidak boleh diambil lagi kerana dipercayai bahwa semangat pada *lengkor* utama tidak menyukai daun tersebut mungkin disebabkan oleh daun tersebut mempunyai kerosakan. Sekiranya daun-daun yang telah jatuh diambil juga, maka mereka akan mendapat kzekakaan, seperti mendapat penyakit atau bencana alam.

Masyarakat Temiar akan berkumpul di balai sewang pada jam 7.00 malam kerana *Sewang Semangat Padi* ini dilangsungkan bermula jam 7.30 malam sehingga jam 12.00 malam. *Sewang Semangat Padi* sebenarnya mempunyai pantang larang yang perlu dipatuhi oleh semua masyarakat. Semasa memasuki balai sewang, kaum lelaki dan perempuan tidak boleh menggunakan pintu sewang yang sama dan tidak boleh tidak berdekatan antara satu sama lain. Tujuannya untuk mengelakkan

berlakunya perkara yang tidak bermoral di balai sewang kerana balai sewang dianggap sebagai tempat yang suci bagi masyarakat Temiar di RPS Pasik (temu bual, Kelapa, 13 Mac 2011).

Selain itu juga, semua yang menyertai aktiviti *Sewang Semangat Padi Bukit* perlu memakai *tempok* yang digunakan semasa kenduri dijalankan dan berpakaian gelap. Berdasarkan kepercayaan masyarakat Temiar, upacara sewang mesti dijalankan dalam keadaan gelap bagi mengalu-alukan kehadiran semangat padi yang banyak membantu mereka memberikan rezeki yang banyak pada tahun ini. Bagi masyarakat ini, cahaya yang masuk ke dalam balai sewang semasa *Sewang Semangat Padi* merupakan *Karei*, iaitu tuhan yang menghancurkan bumi dan ia merupakan petanda berlakunya perkara yang tidak diingini. Oleh sebab itu, dalam *Sewang Semangat Padi Bukit*, orang luar tidak dibenarkan melibatkan diri dalam sewang kerana melibatkan pemujaan dan jika dimurkaui, maka tuhan *Karei* akan memusnahkan sewang tersebut dengan pelbagai masalah yang tidak diingini, seperti menjadikan seseorang itu sebagai harimau (*Panthera tigris*) atau kilat yang kuat (temu bual, Hashim, 13 Mac 2011).

Sebelum sewang berlangsung, *Berlian* akan membaca doa khas yang ditujukan kepada *Nyuk Dui Tampoi* dan *Nyuk Le' Juler* supaya sewang yang bakal dilakukan ini berjalan dengan lancar dan selamat. Doa yang dimohon oleh *Berlian Nyuk Dui Tampoi* dan *Nyuk Le' Juler* supaya menjaga mereka dengan selamat sepanjang sewang ini berlangsung dengan menggunakan kuasa yang terdapat pada tuhan-tuhan tersebut. Doa sebelum sewang ini dijalankan adalah seperti berikut:

*Selamat nyuk le, nyuk tampil
Jagalah kami muka bumi
Kempeh poh, kambasidol
Jagalah segala halangan dan rintangan dengan kuasa nyuk.*

(Temu bual, Segan a/l Setmen, 17 Mac 2011).

Apabila semua peralatan sewang telah dimainkan, *Berlian* menari-nari dengan mengenjut-enjut kaki pada ruang utama balai sewang dengan menyanyikan lagu-lagu sewang yang berunsurkan permujaan (Carey, 1976:200). Penduduk kampung pula saling bersahut-sahutan dengan *Berlian* dan mengenjut-enjut kaki ke lantai mengikut irama muzik yang dimainkan sambil mengangkat daun *tempong* (Ratos, 2003:130). Lagu *Sewang Semangat Padi Bukit* ini diperoleh oleh *Berlian* melalui mimpi yang dipercayai telah diberikan oleh semangat padi yang menjelma sebagai seorang puteri yang cantik dan mempunyai suara yang merdu.

Berlian yang memperoleh lagu ini melalui mimpi akan menyanyikan lagu sewang secara spontan dan lengkok serta gayanya semasa menari juga berlaku secara spontan. Lagu yang diperoleh melalui mimpi banyak berunsurkan pemujaan terhadap pokok-pokok, bunga-bunga, bukit, sungai dan hutan serta ucapan terima kasih kepada alam yang telah banyak memberikan rezeki kepada mereka melalui hasil tanaman padi.

Walau bagaimanapun, terdapat dua buah lagu utama dan selalu dinyanyikan oleh Berlian dalam *Sewang Semangat Padi Bukit*, iaitu Nyuk *Dui Tampoi* dan Nyuk *Le' Juler*. Lagu *Nyuk Dui Tampoi* merujuk tuhan yang menjaga langit dan *Nyuk Le' Juler* pula merujuk tuhan yang menjaga bumi. Pada awalnya, Berlian memulakan sewang dengan nyanyian lagu *Nyuk Dui Tampoi* dan diikuti lagu *Nyuk Le' Juler* seterusnya lagu yang diperoleh melalui mimpi. Antara rangkap lagu *Nyuk Dui Tampoi* dan *Nyuk Le' Juler* yang dinyanyikan oleh Berlian adalah seperti yang berikut (temu bual, Azmi, 18 Mac 2011):

Lagu Nyuk *Dui Tampoi*

*Fee..tok selamat e..ye a..le'
Ee..e ..e ud he tame' he kena ale'
ok pehei..e se..lamat,
e..eud he tame' he ngan a..le'
ee..tok takdte aer' an di en..innambe'
eeee..eik kelhaede bo derk...eikkk
yekmenho no ala he aiktange kaneik...
eeeeud he ud tame aik balai se..lindung*

Makna Lagu Nyuk *Dui Tampoi*

*Meminta kepada Nyuk le' (Tuhan) menjaga kita dengan baik
Jangan diberikan kuasa yang jahat dan tidak baik kepada kita
Kita tidak mahu tidak selamat
Sebab itu kita memanggil Nyuk le' (Tuhan)
Supaya sewang yang dijalankan berada dalam keadaan sejuk
Kita menyanyi lagu Tuhan supaya dapat menjaga kita
Memohon menjaga lingkungan kita
Supaya kita dapat sewang dengan baik dan dilindungi*

Lagu Nyuk *Le' Juler*

*Slamaat..ale' jelung..ler
langkau na..da.e.euk bane tang ne nuk*

Endau parade..deyaum a..le'
Pook tade.de.ererkkeeik bane ye ale'
Tabe ce lamat tane de ramei
Jangkau na.da.e.euk bane tang ne nuk

Makna Lagu Nyuk Le'Juler

*Selamat la Nyuk juler menjaga kita
Engkau telah menjaga kami dengan baik
Memohon supaya tiada berlaku bencana di bumi ini
Bagilah kuasa engkau kepada kami
Lindungi kami semua dari segala kecelakaan
Engkau telah menjaga kami dengan baik
memanggil dia memanggil kita*

Kedua-dua lagu yang dinyanyikan oleh *Berlian* mempunyai maksud yang hampir sama, iaitu memohon kepada tuhan yang menjaga langit dan bumi supaya memberikan mereka keselamatan dan mengelakkan bencana yang boleh memusnahkan mereka. Dalam lagu-lagu ini juga terdapat unsur pemujaan dengan menyatakan bahawa tuhan yang menjaga mereka sangat baik, mereka sentiasa taat setia kepada tuhan langit dan bumi serta mereka masih memerlukan bantuan kedua-dua tuhan ini dalam memberikan hasil padi yang baik pada masa akan datang.

Bagi memastikan doa mereka telah dimakbulkan, keadaan *Berlian* seakan-akan dirasuk dengan menari-nari dengan laju dan menyanyikan lagu dengan lebih kuat. Lagu yang dinyanyikan tersebut merupakan lagu yang disampaikan oleh semangat padi yang dikatakan menerima setiap doa yang telah dipohon dan berharap masyarakat tidak melupakan beliau apabila mendapat hasil yang banyak serta menyeru masyarakat supaya bersyukur dengan segala yang telah diperoleh. Melalui nyanyian ini juga, semangat meminta masyarakat bekerjasama antara satu sama lain dan menyuruh mereka berpindah kawasan pertanian padi bukit kerana kawasan yang telah dituai tidak sesuai untuk tanaman padi. Hal ini disebabkan padi dianggap sebagai raja segala tanaman dan ia memerlukan kawasan yang masih belum diceroboh (temu bual, Hashim, 13 Mac 2011).

Setelah *Berlian* mulai sedar, *Sewang Semangat Padi Bukit* dianggap telah selesai dan penduduk menyalakan pelita atau lilin yang telah diletakkan di setiap sudut balai sewang. Daun *tempong* dan *chantung* disimpan di bilik yang terletak di dalam balai sewang. Berdasarkan kepercayaan mereka, semangat yang telah dipuja masih lagi terdapat pada *chantung* dan daun *tempong*.

HUBUNGAN KEPERCAYAAN DAN UPACARA AMAL DENGAN PADI BUKIT

Oleh sebab itu, mereka tidak boleh melakukan semangat yang terdapat pada peralatan tersebut untuk mengelakkan bencana dan tidak memperoleh hasil yang baik pada masa akan datang. Daun yang telah digantung pada *lengkor*-*lengkor* dibiarakan sehingga kering dan digantikan pada musim menuai akan datang (temu bual, Hashim a/l Alang, 13 Mac 2011).

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Masyarakat petani padi bukit Temiar di RPS Pasik masih berpegang pada kepercayaan nenek moyang tentang wujudnya beberapa tuhan dan semangat yang ada di alam ini. Hal ini dapat dilihat melalui pemilihan corak adaptasi di kawasan hutan berbukit yang dianggap suci yang dihuni pelbagai semangat. Selain itu, bagi memastikan kelestarian dan kelangsungan dalam kehidupan sehari-hari mereka, khususnya dalam pertanian padi bukit, mereka menjalankan beberapa upacara amal dan mematuhi pantang larang. Upacara amal dan pantang larang ini merupakan satu manifestasi untuk memohon keizinan, tanda bersyukur dan berterima kasih atas rezeki yang diperoleh kepada semangat yang membantu kesejahteraan kehidupan mereka.

RUJUKAN

- Amat, J. M., 1990. *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung Dengan Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Carey, I., 1976. *Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
Johnny, 1995. *Theatre, Ritual and Transformation*. British Library Cataloguing.
Noresah Baharom, 1994. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Ratos, A., 2003. *Orang Asli and Their Wood Art*. Selangor: Times Editions Pte Ltd.
Temu bual dengan Ariffin Ating pada 22 Februari 2011, di Kampung Sugi, RPS Pasik, Kelantan.
Temu bual dengan Ajah a/p Along pada 12 Mac 2011, di Kampung Pasik, RPS Pasik, Kelantan.
Temu bual dengan Amek binti Muda pada 18 Februari 2011, di Kampung Ayong, RPS Pasik, Kelantan.
Temu bual dengan Azmi a/l Along pada 21 Mac 2011, di Kampung Pasik, RPS Pasik, Kelantan.
Temu bual dengan Hashim a/l Alang pada 10 Mac 2011 dan 13 Mac 2011, di Kampung Pasik, RPS Pasik, Kelantan.

AKECLOGI DI MALAYSIA: SEJARAH, WARISAN DAN KEBUDAYAAN

Temu bual dengan Jali a/l Asim pada 22 Februari 2011, di Kampung Pasik.
Temu bual dengan Kelapa a/l Achee pada 13 Mac 2011, di Kampung Pasik, RPS
Pasik, Kelantan.
Temu bual dengan Osman a/l Pandak pada 23 Mac 2011, di Kampung Pasik.
Temu bual dengan Pagoh a/l Pam pada 22 Februari 2011, di Kampung Ayong,
RPS Pasik, Kelantan.
Temu bual dengan Segan a/l Setmen pada 23 Mac 2011, di Kampung Sugi, RPS
Pasik, Kelantan.
Temu bual dengan Serina Salim pada 23 Februari 2011, di Kampung Perwer, RPS
Pasik, Kelantan.
Temu bual dengan Setmen a/l Belungai pada 18 Februari 2011, di Kampung Sugi,
RPS Pasik, Kelantan.